

Jangan kejar kedudukan dalam parti: Mahathir

BH 16 JUN 2001

JOHOR BAHRU, Jumaat – Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan anggota Umno jangan sekali-kali mengejar kedudukan dalam parti bagi kepentingan peribadi.

Beliau berkata, seseorang itu tidak dikenang dan dihargai kerana jawatannya tetapi kerana sumbang dan jasanya.

“Seseorang ahli itu tidak memerlukan jawatan untuk menyumbang kepada parti,” katanya dalam perutusan pada buku cenderamata sempena Konvensyen Umno Johor di sini esok.

Dalam perutusan itu, yang diedarkan kepada pemberita hari ini, Perdana Menteri berkata sebagai parti yang berjaya membangkit penyatuan orang Melayu dalam menuntut kemerdekaan dan pengisiannya, Umno tidak sepatutnya diselubungi isu yang boleh menjejaskan martabatnya.

“Sedarlah dan kembalilah kepada perjuangan asal iaitu demi memartabatkan agama, bangsa dan negara,” katanya.

Beliau mengingatkan anggota Umno bahawa cabaran yang dihadapi

terlalu besar dan memerlukan tumpuan bagi meningkatkan jatidiri orang Melayu supaya tidak kecundang dengan penjajahan minda, budaya dan ekonomi dari luar.

Dr Mahathir berkata, gejala politik wang boleh menjadi barah sehingga ada yang menganggap Umno sudah dihingapi virus yang lambat laun akan memamah seluruh tubuhnya sehingga ia lesap dari muka bumi ini.

“Jadi penyakit ini mesti dicegah dan dirawat dengan berkesan. Jangan kita jual maruah diri, kelak ter-

gadai bangsa dan negara,” katanya.

Beliau berkata, sejajar pertambahan anggotanya, yang dijangka mencecah tiga juta orang, Umno perlu membuktikan kepada setiap orang Melayu bahawa ia merupakan wadah terbaik bagi memperjuangkan masa depan mereka.

Keyakinan yang perlu diberikan itu mestilah diiringi sifat mulia dan terpuji di kalangan anggota Umno sama ada di peringkat tertinggi mahupun di kalangan pemimpin dan anggota akar umbi.